

SYARAT KEMASUKAN PROGRAM BACELOR LEPASAN DIPLOMA/SETARAF SESI AKADEMIK 2017/2018

FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN

Bil.	(i) Program Pengajian (ii) Kod (iii) Tempoh Pengajian	Kelayakan Minimum Diploma/Setaraf
		<p align="center">Syarat Am Universiti</p> <p>Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah mulai tahun 2013. Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu kertas Julai diambil kira;</p> <p align="center">DAN</p> <p>Mempunyai Diploma UA/Politeknik/IPTS, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti; atau</p> <p>Mempunyai STPM tahun 2015 dan sebelumnya dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dengan Gred C (NGMP 2.00) dalam tiga (3) mata pelajaran termasuk Pengajian Am; atau</p> <p>Mempunyai Matrikulasi/Asasi tahun 2015 dan sebelumnya dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00; atau</p> <p>Lulusan Sekolah Sukan Malaysia/<i>GCE A-Level/International Baccalaureate Diploma/Australian Matriculation (AUSMAT)</i> serta kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti;</p> <p align="center">DAN</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam <i>Malaysian University English Test (MUET)</i> mengikut tempoh sah laku.</p> <p>(Syarat Khas Program Pendidikan)</p> <ol style="list-style-type: none"> Permohonan terbuka kepada Warganegara Malaysia sahaja; Calon mestilah lulus dalam mata pelajaran Matematik di peringkat SPM; Calon hendaklah berumur tidak melebihi 30 tahun semasa mengemukakan permohonan; Calon hendaklah sihat tubuh badan, tidak mengidap apa-apa penyakit mental atau fizikal, dan berupaya mengikuti program-program yang dirangka untuk kursus ini; Pemohon yang layak, perlu menduduki Ujian MEdSI dan melepasi tahap minimum Ujian MEdSI, lulus Ujian Khas yang ditetapkan serta diperakukan temu duga sebelum dipertimbangkan untuk ditawarkan ke Program Pendidikan; Telah tamat pengajian dengan mendapat keputusan yang telah disahkan oleh Senat Universiti. <p>Nota: Tiada jaminan penempatan di sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) selepas calon menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di UA.</p>